

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**

**SOALAN NO. 6**

**DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terakhir Tuberkulosis (TB) di Malaysia mengikut kumpulan umur. Berapakah kos merawat pesakit-pesakit ini dalam setahun dan berapakah bajet Kementerian Kesihatan untuk pencegahan Tuberkulosis bagi 5 tahun terakhir.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Penyakit Tibi adalah disebabkan oleh jangkitan bakteria *Mycobacterium Tuberculosis* yang merebak melalui udara. Sehingga 31 Ogos 2019, jumlah kes Tuberkulosis (Tibi) yang didaftarkan adalah 17,223 kes, peningkatan 929 kes (5.7%) berbanding 16,294 kes untuk tempoh yang sama pada tahun 2018.

Kes Tibi berlaku di semua peringkat umur. Taburan kes mengikut umur bagi Januari hingga Ogos 2019 adalah 224 kes (1.3%) bagi kanak-kanak berumur kurang 5 tahun, 306 kes (1.8%) bagi umur 5 hingga 14 tahun, 2479 kes (14.4%) bagi umur 15 hingga 24 tahun, 11,724 ke (68.1%) bagi umur 25 hingga 64 tahun dan 2,490 kes (14.5%) bagi umur 65 tahun dan ke atas.

Pesakit Tibi boleh sembuh sekiranya pesakit mematuhi jadual rawatan yang telah ditetapkan. Rawatan Tibi paru-paru adalah selama enam bulan. Kos ubatan bagi seorang pesakit Tibi adalah RM250 hingga RM350 bagi seorang pesakit. Dianggarkan Kementerian telah

## NO SOALAN : 6

membelanjakan sejumlah RM 9 juta setahun bagi kos ubatan Tibi sahaja.

Bagi kes *drug resistant TB*, tempoh rawatan adalah lebih lama iaitu di antara 9 bulan hingga 2 tahun. Kos ubatan bagi kes *drug resistant TB* adalah di antara RM6 ribu hingga RM20 ribu, manakala bagi kes *extensively drug resistant TB* kos ubatan boleh menjangkau ratusan ribu ringgit.

KKM amat komited dalam melaksanakan pencegahan dan pengawalan penularan penyakit Tibi di Malaysia. Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian adalah meningkatkan pengesanan awal kes bagi tujuan rawatan awal penyakit Tibi. Program saringan kontak iaitu individu yang mempunyai hubungan rapat dengan pesakit dan golongan berisiko tinggi lain yang telah dikenalpasti seperti pesakit HIV, *renal failure on dialysis*, pesakit *chronic obstructive pulmonary diseases*, pesakit diabetes, warga emas, perokok dan sebagainya telah dilakukan. Kementerian juga giat mengadakan kempen-kempen kesihatan tentang bahayanya penyakit Tibi di media sosial dan juga media elektronik.

Sekian, terima kasih.